

08/12/1999

Kerajaan negeri diminta selaras dasar

Norazmi Abu Talib

MELAKA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pentadbiran kerajaan negeri mempunyai dasar yang selaras dan seragam dengan Kerajaan Persekutuan supaya mudah dilaksanakan.

Selain itu, Perdana Menteri juga mahu pentadbiran kewangan negeri sentiasa kemas kini dengan pengurusan yang cekap dan berkesan.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata, perkara itu dinyatakan oleh Perdana Menteri dalam pertemuannya dengan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri yang mengemukakan senarai barisan ahli Exco kerajaan negeri masing-masing, semalam.

Menurutnya, Dr Mahathir juga memberi beberapa garis panduan supaya dasar kerajaan negeri hendaklah selari dengan dasar Kerajaan Persekutuan.

Katanya, garis panduan itu amat penting supaya mempunyai dasar yang seragam dan mudah dilaksanakan serta tidak mengelirukan rakyat, pelabur dan swasta.

Beliau memberitahu pemberita selepas majlis meraikan kemenangan calon Barisan Nasional (BN) dalam kawasan Batu Berendam anjuran MIC bahagian itu di sini,, malam tadi.

Menurutnya, Dr Mahathir tidak menyatakan secara khusus pentadbiran kewangan, kecuali menasihatkan diurus dengan baik mengikut peraturan yang ditetapkan.

"Saya akan mendapatkan panduan Dr Mahathir dari semasa ke semasa dalam mentadbir kerajaan negeri supaya boleh memberi hasil baik kepada orang ramai yang memberi mandat kepada BN dalam pilihan raya lalu," katanya.

Mohd Ali berkata, beliau telah memberi taklimat kepada Dr Mahathir mengenai tumpuan utamanya di Melaka ialah membangunkan sektor pelancongan selari dengan sektor pembuatan.

"Perdana Menteri bersetuju dengan pandangan berkenaan," katanya.

Oleh itu, katanya, kerajaan negeri akan mengadakan promosi melawat Melaka selepas hari raya dengan dimulakan di Kuala Lumpur dan diikuti Singapura serta Sumatera.

Beliau berkata, kerajaan negeri merancang mengadakan pesta tahunan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa seperti pelancongan, industri dan pertemuan sasterawan Melayu.

Katanya, orang ramai akan digalakkan datang ke Melaka sama ada berehat, membeli-belah, menghadiri konvensyen, mendapatkan rawatan perubatan atau pendidikan.

"Ini akan membawa hasil kepada Melaka, untuk terus maju selepas tiada sumber alam, kecuali sumber sejarah dan manusia.

"Saya harap mendapat kerjasama seluruh rakyat Melaka, jabatan kerajaan, swasta, golongan profesional dan individu untuk bertindak mudah dengan menarik orang ramai datang ke negeri ini," katanya.

(END)